




1. JAWATAN	: AHLI KIMIA UBAT KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
	KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: M.14-15 (\$3,260 - \$4220 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Ijazah Sarjana Muda Sains atau sebanding dalam bidang Farmasi atau bidang bersesuaian.
ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Ahli Kimia Ubat atau jawatan sebanding dalam tanggagaji M.13 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Hendaklah berdaftar dengan Perbadanan Ahli Kimia Ubat yang diiktiraf seperti United Kingdom, Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan USA.
- c) Hendaklah bersedia untuk mengikuti latihan-latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan perkembangan dibidang farmasi dari semasa ke semasa.
- d) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI KIMIA UBAT KANAN:

1. Pegawai ini akan ditempatkan di bawah Unit/Bahagian Perkhidmatan Farmasi yang disenaraikan berikut:-
 - a. Perkhidmatan Dispensari Pesakit Luar;
 - b. Perkhidmatan Dispensari Pesakit Wad;
 - c. Perkhidmatan Farmasi Klinikal;
 - d. Perkhidmatan Pembekalan Ubat Farmaseutikal;
 - e. Perkhidmatan Pembantu dan Pengeluaran Ubat;
 - f. Perkhidmatan Kawalan Mutu Ubat;
 - g. Perkhidmatan Penguatkuasaan Undang-Undang Farmasi;
 - h. Perkhidmatan Pendaftaran Ubat;
 - i. Perkhidmatan Penerangan Ubat dan Racun;
 - j. Perkhidmatan Penyelidikan dan Perkembangan Farmasi;
 - k. Perkhidmatan Pembelian & Perbekalan Ubat.

Penempatan bergantung kepada kelayakan atau pengalaman tambahan yang ada pada calon-calon.

2. Membantu Pengetua Ahli Kimia Ubat dalam perancangan bagi perkembangan unit di bawah bahagian masing-masing.
3. Membantu dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran sehari-hari perkhidmatan farmasi di peringkat kebangsaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan unit masing-masing.
4. Pengawalan semua pegawai dan kakitangan di bawah jagaan masing-masing.
5. Bertanggungjawab bagi memastikan bahagian/unit di bawah kawalannya berjalan dengan baik dan lancar.
6. Bertanggungjawab terus kepada Pengetua Ahli Kimia Ubat dalam pengurusan sehari-hari unit masing-masing.
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.